

Jenis Akhbar : Harian Metro

Tarikh : 22/07/2017

Edisi / Muka Surat : Nasional / 47

22-07-2017

tengah

47

C

HARIAN METRO



MYANGKASA Holdings Group of Companies yang juga anak syarikat Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) diwakili Presidennya Datuk Abdul Fattah Abdullah (lima dari kiri) setuju menjalin kerjasama dengan Glyken San Francisco bagi memperluaskan pasaran burung walet ke negara luar dan tempatan dalam pertemuan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), semalam. Glyken diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya KC Lim.

# PACU EKONOMI

■ *Koperasi disaran bantu kerajaan peringkat pembangunan negara*

Suraya Roslan

suraya@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**S**emua koperasi dan koperator disaran bersama-sama dengan kerajaan dalam memacu perkembangan ekonomi negara supaya kelestarian pembangunan ekonomi dapat dipertingkatkan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, dengan adanya pembangunan yang pesat dalam sektor ko-

perasi, banyak peluang pekerjaan dapat disediakan kepada rakyat.

"Potensi dan peluang untuk terus maju dan berjaya bagi koperasi di Malaysia dilihat mampu menjana pendapatan.

"Saya memyeru kepada semua pemimpin koperasi dan seluruh koperator supaya sentiasa mencari jalan dan menambah usaha berlipat ganda untuk memajukan koperasi masing-masing," katanya dalam ucapan ketika menghadiri Jambatan Hari Raya Aidilfitri Angkatan Koperasi Kebang-

saan Malaysia Berhad (ANGKASA) di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini, semalam.

Menurutnya, berdasarkan rekod dikeluarkan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sehingga 31 Disember tahun lalu, bilangan koperasi yang berdaftar sebanyak 13,428 dengan jumlah keanggotaan 7 juta ahli.

"Bukan saja itu, jumlah syer dicatatkan sebanyak RM13.99 bilion, jumlah aset koperasi ialah RM130.74 bilion dan jumlah perolehan sebanyak RM39.66 bilion," katanya.